A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG

DIGITISED NEWSPAPER SEARCH TERM VISUALISER SAVED CITATIONS MICROFILM CATALOGUE

Search Newspapers Browse Newspapers

I am looking for

Advanced Search



# Zain letak jawatan dari Talivishen Singapura

Berita Harian, 7 September 1971, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL6831



# Zain letak jawatan dari Talivishen Singapura

SINGAPURA, Isnin.

ENCHE ZAIN Mahmood telah menghantar surat perletakan jawatan-nya sa-bagai Penerbit Urusan Talivishen Singapura — sa-telah berkhidmat di-jabatan itu sejak tahun 1959.

Berusia 38 tahun, Enche Zain telah tertugas dalam jabatan itu sa-bagai penolong penerbit bahagian Melayu Radio Singapura mu-

Information

Newspaper:
Berita Harian

Date:
7 September 1971

Reel Number:
NL6831

Share

Table of Contents

< Previous Page 12 Next >

GOTONG ROYONG BAIKI JALAN...

GOTONG ROYONG BAIKI JALAN... CINGAPURA, Isniii. —Kira2 sa-ramai 130 orang anggota Per'.ihidmatan

Sharahan S.Hussein

Sharahan S.Hussein SINGAPURA, Isnin. pROF. rived Hussein Alatas, Pengetua Jar batan Pen^ajian Melayu

Ra'ayat S'pura mesti jadi masharakat besi: Ghazali

Ra'ayat S'pura mesti jadi masharakat besi: Ghazali lifASHARAKAT besi demikian jenis masharakat yang

View Full Table of Contents >

lai tahun 1959 — sa-telah sa-tahun mendapat Ijazah B.A. (Honours) dari Universiti Singapura.

Jawatan itu di-sandang sa-lama sa-tahun. Mulai tahun 1960 hingga 1962 beliau di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia 'Suara Singapura' — siaran empat aliran bahasa di-sini dalam usaha hendak memupok chita2 berbilang bangsa ra'ayat di-negeri ini.

Tetapi kerana siaran itu telah di-berhentikan, Enche Zain kemudian di-lantek sa-bagai Penolong Ketua bahagian i'lan dari tahun 1963 hingga 1966.

Sa-lain bertugas sa-bagai Penerbit Urusan, Enche Zain juga sering menulis cherita2 drama dan sandiwara dan beberapa ranchangan bersiri yang di-terbitkan-nya melalui TV.

Antara ranchangan2 itu yang sampai sekarang tetapi di-maseh tetap di-ingat oleh para peminat-nya ia-lah Pak Awang Temberang, papa sayang mama, sandiwara dan lain2 lagi.

Satu ranchangan muzik yang di-terbitkan-nya dan sampai sekarang di-gemari ramai ia-lah 'Kalong Senandong'.

Kalangan2 RTS mensifatkan Enche Zain sa-bagai sa-orang yang "berkalibar" dalam menerbitkan sa-suatu ranchangan dan banyak memberi sumbangan untok memajukan ranchangan2 di-jabatan tersebut.

## Khidmat

Enche Zain ketika di-hubongi telah mengesahkan perletakan jawatan-nya dari RTS. Beliau enggan berkata beleh jauh.

Sumber2 yang boleh di-perchayai menyatakan bahwa Enche Zain meletakkan jawatan-nya kerana hendak berkhidmat dengan Radio dan Talivishen Malaysia sa-bagai Ketua Bahagian Drama.





ENCHE' ZAIN


## Related Articles

**Kerja dalam sebaran 'am tak perlu pelajaran tinggi Zain Mahmood**
*Berita Harian 3 October 1971*

Kerja dalam sebaran 'am tak perlu pelajaran tinggi Zain Mahmood NILA K...

**Memberitahu, menghibor dan mendidek benar2 dapat di-penohi**
*Berita Harian 21 November 1971*

Memberitahu, menghibor dan mendidek benar2 dapat di-penohi Si? R% ior ...

**Kesempatan untok pemenang2 peraduan 'Johan 69' di-TV**
*Berita Harian 27 January 1970*

Kesempatan untok pemenang2 peraduan 'Johan 69' di-TV CINGAPURA. Isnin....

NLB National Library Board Singapore

Contact Us Feedback FAQ

...rt Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019